

PRUDENTIAL BSN

TAKAFUL

LAPORAN DANA TAKAFULINK 2018

Laporan dan Penyata Takafulink
bagi tahun berakhir 31 Disember 2018



TAKAFUL
Untuk Semua. Untuk Kehidupan

Pemegang Sijil yang Dihormati,

Kami berbesar hati untuk membentangkan
Laporan Dana Takafulink 2018 kepada
anda. Laporan ini juga boleh didapati di
www.prubsn.com.my.

Kandungan


- 2** Perutusan Ketua Pegawai Eksekutif
- 4** Objektif Dana
- 5** Ulasan Pelaburan
- 12** Prestasi Dana
- 13** Unjuran Pelaburan
- 15** Sorotan Kewangan
- 28** Penyata Aset dan Liabiliti
- 34** Penyata Perubahan dalam Nilai Aset Bersih
- 37** Penyata Pendapatan dan Perbelanjaan
- 43** Nota-nota kepada Akaun
- 44** Laporan Pengarah
- 45** Laporan Juruaudit Bebas



PruBSN AnugerahPlus

**Demi
kesinambungan
hidup, kita harungi
bersama.**

Hubungi Perunding Takaful kami hari ini untuk rundingan PERCUMA. Tertakluk pada terma dan syarat.

 www.prubsn.com.my  customer@prubsn.com.my
 03 2053 7188  [prubsn](https://www.facebook.com/prubsn)  [prubsn_official](https://www.instagram.com/prubsn_official)

PRUDENTIAL BSN
TAKAFUL

Perutusan Ketua Pegawai Eksekutif

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ

Dengan nama Allah yang Maha Pengasih lagi Maha Penyayang.

Pemegang sijil PruBSN Takafulink yang dihormati,

Seperti yang anda tahu, Takaful adalah berteraskan konsep taawun (kegiatan tolong-menolong dan bekerjasama). Melalui penyertaan anda dalam pelan Takaful, anda turut membantu para peserta yang lain, di mana sebahagian daripada bayaran caruman anda didermakan ke dana Tabarru' untuk memberikan perlindungan kepada mereka ketika waktu yang menduga, seperti kehilangan nyawa atau kehilangan upaya kekal.

Saya amat berbesar hati kerana melalui penyertaan secara kolektif ini, kami telah melindungi seramai lebih 800,000 pelanggan di Malaysia. Secara khususnya, melalui Tabarru' yang dikumpulkan pada tahun 2018, kami telah menggunakan dana ini untuk membayar sebanyak RM494 juta yang mewakili lebih 120,000 kes tuntutan. Tambahan lagi, dengan lebihan di dalam dana Tabarru' (baki selepas menolak semua bayaran tuntutan dan rizab), kami akan mengagihkan kembali sebanyak RM52 juta kepada lebih 612,000 pemegang sijil Takafulink (berserta baki kepada PruBSN sebagai insentif kerana menguruskan dana Tabarru' dengan berhemat bagi pihak pemegang-pemegang sijil.)

Metrik-metrik ini membuktikan fokus kami dalam memastikan pengurusan tuntutan yang cekap dan beretika bagi pihak pemegang-pemegang sijil.

Sama ada melalui urusan dengan pelanggan, dengan wargakerja mahupun dalam cara kami menyokong komuniti, PruBSN komited untuk menegakkan semangat taawun demi kebaikan semua dalam setiap usaha yang kami lakukan. Sepanjang aktiviti kami tahun lepas, kami kekal fokus terhadap misi dan matlamat kami untuk melakukan lebih dari sekadar operasi perniagaan sehari-hari. Prestasi kami yang didorong oleh strategi saluran pengagihan yang pelbagai, tawaran produk-produk baharu serta transformasi teknologi, juga bererti PruBSN kekal sebagai Pengendali Takaful Keluarga Nombor 1 selama lapan tahun berturut-turut.

2018 juga menyaksikan pelbagai usaha kami ke arah meningkatkan penembusan pasaran takaful dan merapatkan jurang perlindungan takaful rakyat Malaysia. Pada Mac 2018, kami telah melancarkan PruBSN Microtakaful Jariyah, iaitu pelan takaful pertama seumpamanya di negara ini yang memberikan perlindungan asas takaful keluarga bertempoh 12 bulan secara percuma, bagi membantu keluarga-keluarga di bawah garis kemiskinan nasional. Baru-baru ini, kami juga telah memperkenalkan rider Ihsan bersama pelan terbaru kami PruBSN AnugerahPlus, sebagai menyokong usaha Microtakaful Jariyah di mana para pelanggan boleh membuat sumbangan serendah RM5 setiap bulan. Pada Julai 2018, kami telah melancarkan pakej perlindungan PruBSN Setia dan PruBSN Impian yang komprehensif dan boleh diubah suai, yang disasarkan kepada

para pekerja dan kanak-kanak. Sebagai langkah pencegahan kesihatan untuk para pelanggan, kami telah menjalin kerjasama dengan beberapa panel hospital kami untuk menawarkan vaksinasi influenza pada harga diskaun dan secara percuma. Kami juga telah bekerjasama dengan syarikat-syarikat teknologi kesihatan seperti Doctor2U dan Prenetics bagi memenuhi matlamat kami untuk memastikan pelanggan menjalani kehidupan yang lebih sihat dan seterusnya memacu perkembangan positif PruBSN di masa depan.

Berdasarkan pencapaian ini serta sumbangan kami kepada industri, kami telah menerima pelbagai pengiktirafan tahun lalu termasuk anugerah Best Takaful Company in Asia oleh The International Takaful Summit di London. Kesemua pencapaian ini berlatarbelakangkan setahun yang penuh cabaran namun kami tetap fokus menghasilkan produk dan perkhidmatan yang berbeza, yang sedikit sebanyak membantu kami membina hubungan yang lebih mendalam dengan para, rakan usahasama, serta pemegang saham kami.

Asas kepada syarikat kami kekal teguh dan kami berada di landasan yang tepat untuk meningkatkan prestasi. Saya ingin mengambil kesempatan ini untuk merakamkan ucapan terima kasih dan setinggi-tinggi penghargaan, atas kepercayaan dan kesetiaan anda terhadap kami selama ini dalam memenuhi keperluan perlindungan anda. Pastinya ini akan terus mendorong kami untuk melakukan yang terbaik.

Sekiranya anda memerlukan sebarang maklumat lanjut mengenai dana-dana kami, sila hubungi 03-20537188 atau e-mel ke customer@prubsn.com.my.

Salam hormat,



Nor Azman Zainal

Ketua Pegawai Eksekutif

Prudential BSN Takaful Berhad

Objektif Dana

Takafulink Dana Ekuiti bertujuan untuk memaksimumkan pulangan dalam jangka sederhana ke panjang dengan melabur dalam ekuiti-ekuiti berkualiti tinggi patuh Syariah yang disenaraikan di Bursa Malaysia.

Takafulink Dana Bon bertujuan untuk menyediakan pengumpulan modal jangka sederhana ke panjang melalui pelaburan dalam sukuk dan instrumen pasaran wang Islam yang terpilih.

Takafulink Dana Urus bertujuan untuk memaksimumkan pulangan jangka masa sederhana ke panjang dengan melabur dalam ekuiti-ekuiti patuh Syariah, sukuk dan instrumen pasaran wang Islam melalui Takafulink Dana Ekuiti dan Takafulink Dana Bon serta dalam mana-mana dana Takafulink lain yang mungkin akan diperkenalkan pada masa hadapan.

Takafulink Dana Ekuiti Dinasti bertujuan untuk menyediakan pertumbuhan modal jangka panjang dengan melabur dalam pelaburan mematuhi Syariah yang mempunyai pendedahan di rantau Greater China.

Takafulink Dana Dinamik bertujuan untuk menyediakan peningkatan nilai modal dengan melabur secara aktif dalam ekuiti dan sekuriti berkaitan ekuiti patuh Syariah. Untuk pertimbangan defensif, Dana mungkin akan melabur dalam debentur dan instrumen pasaran wang patuh Syariah.

Takafulink Dana Aktif bertujuan untuk menyediakan peningkatan nilai modal dengan melabur dalam sekuriti patuh Syariah syarikat-syarikat permodalan pasaran kecil yang berpotensi untuk berkembang.

Ulasan Pelaburan

Pasaran Ekuiti

Seperti biasa semasa bermulanya tahun baharu, Q1 2018 menyaksikan permulaan yang baik untuk pasaran Malaysia dan global, dipacu oleh prospek ekonomi yang lebih baik dan sentimen pelabur yang positif walaupun terganggu oleh penutupan kerajaan AS selama tiga hari. Lonjakan telah dipacu oleh jangkaan pengukuhan Ringgit Malaysia, bersandarkan harga minyak yang lebih tinggi, kenaikan Kadar Dasar Semalaman oleh Bank Negara Malaysia (BNM), dan aliran masuk dana asing ke Malaysia. Bagaimanapun, kenaikan ini hanya seketika apabila pasaran global mengalami pembetulan besar pada bulan Februari, dan ironinya, ia dicituskan oleh data pekerjaan dan gaji yang lebih kukuh di AS, meningkatkan kebimbangan akan berlaku inflasi yang lebih tinggi dari jangkaan yang mungkin akan menyebabkan Rizab Persekutuan AS menjadi lebih agresif sekaligus menjadi penyebab terjadinya jualan keluar di pasaran bon AS. Pasaran ekuiti Malaysia mengalami pembetulan apabila pelabur asing mengurangkan pendedahan mereka di Malaysia dengan jumlah aliran keluar sebanyak RM1.2 bilion pada bulan Februari. Pembetulan di pasaran global berlanjutan sehingga bulan ketiga Q1 2018 di mana pelabur menjual turun saham AS berikutan adanya kebimbangan mengenai pertumbuhan global apabila Presiden Trump meluaskan langkah perlindungannya. AS mengenakan tarif ke atas import besi dan aluminium dari China, Kanada dan EU, menyebabkan berlakunya reaksi balas dari negara yang terlibat. Memandangkan ekonomi Malaysia bersifat terbuka, pasaran ekuiti Malaysia telah bergerak tidak menentu seiring dengan pergerakan pasaran global. Bagaimanapun, semasa tempoh ini ringgit Malaysia berupaya mengekalkan kekukuhannya berbanding USD, naik 3.02% suku-ke-suku, disokong oleh harga minyak yang teguh.

Q2 2018 merupakan satu lagi tempoh tidak menentu bagi pelabur, dibayangi kebimbangan akan berlaku perang dagangan besar-besaran di antara AS dan China serta kesannya kepada lain-lain negara pengeksport. Bagaimanapun, harga minyak yang lebih tinggi yang menyaksikan harga minyak mentah melepasi USD70 setong,

membantu memberikan sokongan kepada ringgit dan pasaran ekuiti Malaysia, di mana KLCI hanya kurang satu mata daripada menyamai paras tertinggi yang dicatatkan pada 2014. Kenaikan ini tidak bertahan lama apabila pasaran mengalami pembetulan akibat peningkatan pulangan perbendaharaan AS dan jualan turun saham teknologi yang disebabkan oleh unjuran lebih lemah daripada pengeluar utama komponen telefon bimbit dan skandal Facebook yang tidak melindungi data peribadi dengan wajar. Pertengahan suku juga menyaksikan pelabur domestik dikejutkan oleh keputusan Pilihanraya Umum ke-14 yang tidak menepati jangkaan. Selepas 61 tahun ditadbir oleh Barisan Nasional, Malaysia mengundi untuk kerajaan baharu di bawah gabungan Pakatan Harapan (PH). Dua minggu pertama selepas PRU14 menyaksikan perlantikan dan angkat sumpah Perdana Menteri baharu, Tun Mahathir, kemudiannya diikuti oleh 12 menteri kabinet. Mei adalah bulan perubahan buat Malaysia, di mana kerajaan baharu bekerja keras dan pantas untuk memenuhi jangkaan sebagaimana disarankan dalam manifesto 100-hari mereka, bermula dengan pengumuman untuk menetapkan GST pada 0% berkuatkuasa pada 1 Jun 2018 berbanding kadar semasa 6%, dan bersedia untuk melaksanakan Cukai Jualan dan Perkhidmatan menjelang 1 September 2018. Saham pembinaan mengalami jualan turun berikutan timbulnya kebimbangan mengenai projek mega landasan keretapi yang mungkin ditangguh, dibatalkan atau dikurangkan nilainya. Pasaran Membangun Asia mencatatkan prestasi buruk menjelang akhir Q2 2018, apabila pelabur semakin mengelak dari risiko, berhadapan kebimbangan berlakunya perang dagangan, kenyataan Fed AS yang agresif, dan data ekonomi China yang tidak memberangsangkan serta yuan yang lemah. Malaysia mengalami jualan bersih yang ketara, di mana jualan bersih asing berjumlah RM6.8 bilion dicatatkan pada 6M2018. Ringgit menyusut 4.3% suku-ke-suku, sama seperti matawang pasaran membangun lain. Pada bulan tersebut, kerajaan PH mengumumkan baki barisan kabinet, Peguam Negara baharu, dan melantik gabenor BNM yang baharu.

Ulasan Pelaburan

Pasaran Ekuiti (sambungan)

Q3 2018 merupakan suku yang baik buat pasaran ekuiti Malaysia di mana kebanyakan indeks mencatatkan kenaikan positif, pulih seiring dengan pasaran membangun yang lain dan pelabur mencari peluang daripada kejatuhan terdahulu. Pasaran ekuiti Asia Pasifik mencatatkan kenaikan lemah apabila pasaran Korea dan China terjejas oleh kebimbangan mengenai ketegangan dagangan AS-China, pertumbuhan perlahan di China dan penyusutan yuan. Sentimen pelabur semakin ditekan oleh peningkatan ketegangan dagangan, dan pasaran membangun pula dibebani kerisauan akan berlakunya defisit berkembar serta kesan sampingan daripada susut nilai besar matawang yang dialami oleh negara seperti Turki dan Argentina. Menjelang akhir Q3 2018, pasaran ekuiti Malaysia dan serantau menarik nafas lega, apabila pelabur asing mula bertukar menjadi pembeli bersih pada bulan September selepas empat bulan menjual keluar. Harga minyak mentah Brent naik melepasi USD80 setong apabila timbul semula kebimbangan mengenai pasaran yang lebih ketat selepas OPEC dan Rusia tidak menunjukkan tanda-tanda untuk menaikkan pengeluaran. Ringgit menyusut 0.7% suku-ke-suku berbanding USD, agak sederhana jika dibandingkan dengan matawang pasaran membangun lain. Ketahanan ini dimangkin oleh eksport komoditi Malaysia seperti minyak mentah dan minyak sawit.

Q4 2018 adalah tempoh pembetulan. Pasaran ekuiti Malaysia mengalami pembetulan seiring dengan pasaran global di mana pasaran AS menjunam pada awal Q4 2018 apabila saham teknologi AS jatuh teruk semasa perang dagangan AS-China semakin membara. Dalam negara pula, Kerajaan Malaysia menganjurkan persidangan bertajuk "Malaysia – Era Baharu" yang dihadiri oleh ramai pelabur tetapi secara tidak langsung turut menggosokkan pelabur dengan retorik "rakyat didahulukan", anti-monopoli, dan "pengorbanan". Ia diikuti oleh pembentangan Belanjawan Malaysia 2019 yang memberi tumpuan kepada langkah-langkah untuk memperbaiki pendapatan boleh guna untuk kumpulan B40, menyamak defisit fiskal kepada 3.7% pada 2018 dan 3.4% pada 2019, dan dibayangi kebimbangan yang dinyatakan oleh agensi penarafan mengenai peningkatan kebergantungan Malaysia kepada perolehan minyak. Minyak mentah Brent jatuh mendadak pada separuh kedua Q4 2018, turun 38% suku-ke-suku untuk ditutup pada USD45.41 setong bagi tempoh tersebut. Kelemahan harga minyak mendorong OPEC untuk bersetuju memotong pengeluaran sehingga April 2019 namun berita ini memberi kesan minima ke atas harga minyak. Peristiwa luaran yang berlaku pada akhir suku seperti penangkapan CFO Huawei di Kanada, selepas AS dan China mengumumkan perdamaian sementara bagi perang dagangan pada 30 November 2018, menambah kepada ketidaktentuan pasaran.

Indeks FTSE Bursa Malaysia Syariah Emas (FBMSHA) mengakhiri tahun di bawah ulasan pada 11,504.43 mata, turun 13.52%. Indeks FTSE Bursa Malaysia EMAS (FBMEMAS) yang lebih meluas pula ditutup 10.93% lebih rendah pada tahun di bawah ulasan. Indeks MSCI Asia Pacific ex-Japan naik 16.25% dari segi USD.

Ulasan Pelaburan

Ulasan Pasaran Sukuk

BNM menaikkan OPR sebanyak 25 bps dari 3.00% kepada 3.25% semasa mesyuarat Jawatankuasa Dasar Moniteri (MPC) pertama untuk 2018 pada 25 Januari. BNM menyatakan bahawa kenaikan ini adalah langkah persediaan untuk mencegah pertambahan risiko yang mungkin timbul apabila kadar faedah di tahap terlalu rendah untuk tempoh yang lama. Berikutan kenaikan pada bulan Januari, BNM mengekalkan OPR pada 3.25% sepanjang tahun dan percaya bahawa paras semasa OPR masih akomodatif. Dalam kenyataan terkini Jawatankuasa Dasar Moniteri pada November 2018, BNM menegaskan bahawa paras semasa OPR masih bersifat akomodatif dan ekonomi domestik dijangka kekal dalam pertumbuhan stabil pada 2018 dan 2019. Bagaimanapun, BNM memberi amaran bahawa unjuran pertumbuhan global masih menjerus kepada kejatuhan, dengan ketegangan dagangan masih menjadi punca utama untuk risiko kejatuhan ini. Oleh itu, BNM akan terus mengawasi dan menilai baki risiko yang menyelubungi unjuran bagi inflasi dan pertumbuhan domestik sebelum membuat sebarang perubahan dalam dasar moniterinya.

Dari sudut ekonomi, ekonomi Malaysia terus berkembang pada kadar lebih perlahan +4.4% tahun-ke-tahun pada suku ketiga 2018, denuruti +4.5% tahun-ke-tahun pada suku kedua dan +5.4% tahun-ke-tahun pada suku pertama 2018. Pertumbuhan lebih perlahan pada suku ketiga 2018 adalah disebabkan oleh kejutan komoditi-spesifik Perlombongan & Penguarian (Q3 2018: -4.6%, Q2 2018: -2.2% tahun-ke-tahun) manakala sektor Perkhidmatan (Q3 2018: +7.2% tahun-ke-tahun, Q2 2018: +6.5% tahun-ke-tahun) dan Pengilangan (Q3 2018: +5.0% tahun-ke-tahun, Q2 2018: +4.9% tahun-ke-tahun) kekal menjadi pemacu utama ekonomi. Melangkah ke hadapan, pertumbuhan dijangka dapat dikekalkan, disokong terutamanya oleh perbelanjaan sektor swasta. Ekonomi Malaysia dijangka berkembang 4.8% tahun-ke-tahun untuk 2018 berdasarkan unjuran Kerajaan yang telah disemak turun daripada ramalan terdahulu 5.0%-5.5%.

Semasa tempoh di bawah ulasan, inflasi utama adalah sederhana kepada +0.2% tahun-ke-tahun pada November 2018 berbanding +3.4% tahun-ke-tahun yang dicatatkan pada November 2017. Kesederhanaan inflasi diterajui oleh keperluan inflasi Makanan & Minuman Bukan Alkohol (Nov-18: +1.1% tahun-ke-tahun berbanding Nov-17: +4.0% tahun-ke-tahun) dan Pengangkutan (Nov-18: -2.3% tahun-ke-tahun berbanding Nov-17: +10.8% tahun-ke-tahun). Inflasi teras juga sederhana kepada +0.5% tahun-ke-tahun pada November 2018 dari +2.2% tahun-ke-tahun yang dicatatkan pada November 2017. BNM menjangka inflasi asas akan kekal terkawal dengan ketiadaan tekanan permintaan yang kukuh.

Kemenangan mengejut PH semasa pilihanraya umum ke-15 menandakan permulaan baharu latar politik Malaysia di mana buat pertama kalinya dalam sejarah sejak kemerdekaan pada 1957, pentadbiran negara dipimpin oleh parti gabungan yang berlainan. Sejarah yang tercipta ini membawa era baharu untuk politik Malaysia dan membuka peluang untuk pembaharuan. Bagaimanapun, terdapat sedikit kebimbangan mengenai kesihatan fiskal negara apabila Kerajaan mendedahkan kedudukan fiskal “sebenar” negara serta dasar ekonomi baharu seperti penghapusan Cukai Perkhidmatan Kerajaan (GST) dan kesinambungan subsidi minyak. Namun begitu, kerajaan dijangka akan terus memperbaiki keadaan ekonomi negara dan memberi lebih tumpuan kepada pengurangan hutang kerajaan, pengawalan perbelanjaan dan pembaharuan cukai.

Ulasan Pelaburan

Ulasan Pasaran Sukuk (sambungan)

Untuk belanjawan 2019, Kerajaan telah mencadangkan perluasan belanjawan untuk membantu menangani isu-isu jangka pendek dan membina asas untuk agenda pertumbuhan dan fiskal jangka panjang. Kerajaan menjangkakan defisit fiskal lebih tinggi sebanyak RM53.3bilion atau 3.7% daripada KDNK untuk 2018 (berbanding sasaran awal 2.8% daripada KDNK) dan 3.4% daripada KDNK untuk 2019. Ia adalah berdasarkan perkembangan perolehan yang lebih perlahan dan semakin menaik dalam perbelanjaan operasi dan pembangunan. Akibatnya, agensi penarafan (Moody's dan Fitch) telah menyuarakan kebimbangan mereka mengenai paras hutang negara Malaysia. Moody's menyatakan bahawa defisit yang lebih lebar dan peningkatan bergantung kepada perolehan berkaitan-minyak akan melemahkan profil fiskal dalam tempoh terdekat, manakala Fitch pula berpendapat bahawa kegagalan untuk mengekalkan penggabungan fiskal yang konservatif boleh menimbulkan kebimbangan mengenai kredibiliti dasar-dasar yang dilaksanakan. Namun begitu, Kerajaan dilihat amat komited dengan rancangan penggabungan fiskal jangka panjang di samping memperbaiki ketelusan. Oleh itu, tekanan "sekali sahaja" seharusnya berkurangan selepas 2019 memandangkan kerajaan merancang untuk terus mengurangkan defisit fiskal kepada 2.8% daripada KDNK menjelang 2021.

Pada 2018, Rizab Persekutuan AS (Fed) melaksanakan ramalan kenaikan kadar faedah mereka apabila Fed menaikkan kadar penanda arasnya sebanyak empat kali. Fed menaikkan kadar faedah utamanya sebanyak 25bps setiap kali mesyuarat Jawatankuasa Pasaran Terbuka Persekutuan (FOMC) pada bulan Mac, Jun, September dan Disember 2018 untuk mengakhirinya dalam julat 2.25-2.50%. Semasa mesyuarat FOMC pada bulan Disember, Jawatankuasa menyatakan bahawa pasaran buruh terus mengukuh manakala ekonomi pula meningkat pada kadar yang teguh. Bagaimanapun, Jawatankuasa percaya bahawa kenaikan beransur dalam julat sasaran adalah wajar,

dengan pendekatan yang kurang agresif. Hasilnya, Fed menyemak semula ramalannya untuk kadar dana persekutuan bagi 2019, lebih rendah di antara 2.6%-3.1% daripada ramalan awal 2.9%-3-4%.

Ketegangan dagangan di antara AS dan China semakin marak sepanjang beberapa bulan lepas apabila kedua-dua negara mengenakan tarif baharu dagangan. Presiden AS Donald Trump akhirnya melaksanakan ugutan yang dibuat selama beberapa bulan untuk mengenakan tarif menyeluruh ke atas China atas dakwaan amalan dagangan yang tidak adil. Akibatnya, AS mengenakan tarif ke atas barangan China bernilai USD250bilion manakala China pula membalasnya dengan tarif baharu ke atas barangan AS bernilai USD110bilion. Pelabur global masih gusar tentang ketidakstabilan kerana pertikaian dagangan ini boleh mencetuskan masalah kewangan yang besar. Untuk jangka pendek, Malaysia juga mungkin terjejas oleh pertikaian dagangan ini memandangkan Malaysia terlibat dalam dagangan bersama dengan China dan AS. Sungguhpun begitu, Malaysia juga berpotensi meraih keuntungan daripada pengalihan dagangan dari China memandangkan Malaysia mempunyai struktur eksport yang hampir sama dengan China.

Pulangan sukuk kerajaan bergerak lebih tinggi pada dua belas bulan pertama FY2018 apabila pulangan MGS untuk 3-, 5-, 10- dan 15-tahun masing-masing berubah sebanyak 25bps, 4bps, 5bps dan -4bps untuk ditutup pada 3.68%, 3.83%, 4.24% dan 4.61%. Kenaikan pulangan MGS adalah disebabkan oleh (1) jualan turun oleh pelabur asing kerana bimbang tentang hutang awam (2) peningkatan pulangan Perbendaharaan AS dan (3) seiring dengan jualan turun di Pasaran Membangun akibat gangguan dagangan global. Sementara itu, pulangan sukuk Korporat biasanya bergerak seiring dengan pulangan sukuk kerajaan, walaupun sedikit ketinggalan. Aktiviti di pasaran sukuk korporat telah disokong oleh kecairan yang mencukupi dan suasana kredit yang stabil.

Ulasan Pelaburan

Ulasan Pasaran Sukuk (sambungan)

Dari segi bekalan, jumlah terbitan Korporat masih berterusan pada 2018 dengan jumlah terbitan baharu bernilai sekitar RM89.9bilion. Terbitan utama sepanjang tahun kebanyakannya adalah sektor jaminan kerajaan dan korporat. Terbitan besar termasuk RM11.1bilion dari Danainfra Nasional (GG), RM8.9bilion dari Cagamas (AAA), RM6.0bilion dari Lembaga Pembiayaan Perumahan Sektor Awam (GG), RM6.0bilion dari Prasarana Malaysia Berhad (GG), RM5.1bilion dari Edra Energy (AA3), RM3.5bilion dari Danga Capital (AAA), RM3.25bilion dari CIMB Group Holdings Berhad (AA3), RM3.0bilion dari Tenaga Nasional Berhad (AAA) dan RM2.9bilion dari Public Bank Berhad (AAA).

Global dan Asia

Pada tahun 2018, pasaran ekuiti global melalui antara 12 bulan paling tidak menentu sejak berdekad lamanya dengan hampir semua pasaran utama mencatatkan kejatuhan pada penghujung tahun. Ia sebenarnya bermula dengan amat baik, di mana Januari menyaksikan kesinambungan daripada tema tahap kecairan tinggi digabung dengan kadar faedah rendah dan inflasi rendah dari tahun 2017, menghasilkan senario "goldilocks" atau seimbang untuk ekuiti.

Selepas itu, kebanyakan pasaran mula mengalami penurunan namun AS memisahkan diri dari rantau lain – dan terutamanya pasaran membangun – untuk mengukuhkan kedudukan bagi tempoh sembilan bulan pertama selepas pemotongan cukai diluluskan oleh Kongres pada bulan Disember mula memberi kesan kepada perolehan korporat. Menjelang akhir September, AS telah mencatatkan kedudukan positif 10.6% berbanding Eropah yang turun 1.9% dan China 9.0% lebih rendah.

Corak ini mula berubah pada bulan Oktober apabila pertikaian Sino-AS semakin buruk dan data ekonomi dari China memberi bayangan bahawa regim tarif telah mula menjejaskan ekonomi secara meluas. Di AS pula, pulangan Perbendaharaan 10-tahun melonjak 3.24% pada bulan November, paras tertinggi tujuh tahun apabila Rizab Persekutuan

AS menyatakan komitmen untuk terus menaikkan kadar. Pulangan akhirnya kembali turun hingga serendah 2.68% namun ia tidak menghalang Rizab Persekutuan AS daripada menaikkan kadar pada bulan Disember dan membayangkan akan berlaku dua kenaikan pada 2019.

Keadaan ini menjejaskan pasaran dengan teruk pada musim luruh dan pada bulan Disember apabila risiko politik memberi kesan kepada beberapa pasaran utama, sekaligus menjelaskan mengapa tahun ini berakhir dengan suasana muram dan tidak menentu. Kemuncak 2018 diakhiri dengan minggu yang huru-hara sekiranya Krismas apabila Dow Jones Industrial Average mengalami hari dagangan terburuk sebelum Krismas, diikuti oleh kenaikan pertama melebihi 1,000 mata pada 26hb.

Pemacu Pasaran Ekuiti tahun ini

Pemacu negatif bagi tahun ini mula terbentuk pada bulan Disember di mana pasaran yang dahulunya imun seperti AS, mula merasai bahang yang dialami oleh seluruh dunia. Pemacu pertama adalah pertikaian dagangan Sino-AS. Ia bermula pada 2017 sebagai hiperbola dan mula mencengkam pada 2018 dengan tiga pusingan tarif terhadap China, dengan tindakbalas yang serupa diambil oleh Beijing ke atas barangan AS yang memasuki China.

Pemacu kedua yang menjejaskan pasaran adalah kejatuhan kecairan di mana bank-bank pusat di AS, Eropah dan pelbagai negara memberhentikan sepenuhnya atau mula mengurangkan program pelonggaran kuantitatif mereka. Pemacu ketiga pada asalnya tidak disedari semasa permulaan tahun, namun pertumbuhan saham teknologi yang berhadapan dengan kejatuhan mula memberi kesan. Pertama, kebimbangan mengenai pencerobohan privasi di media sosial telah membangkitkan keperluan peraturan yang lebih ketat, diikuti oleh persoalan mengenai keadaan menyeluruh ekonomi global yang mula goyah, sekaligus menyebabkan saham mewah, terutamanya teknologi, di Korea dan Taiwan menjadi mudah terjejas.

Ulasan Pelaburan

Global dan Asia (sambungan)

Pemacu utama keempat adalah politik yang berbeza, meluas, boleh diramal namun mengejutkan. Di antara perkembangan yang memberi kesan ketara adalah Kesatuan Eropah yang berdepan dengan kerajaan populis di Itali mengenai defisit belanjawan yang mengancam untuk melanggar peraturan EU. Walaupun EU akhirnya mencapai persetujuan dengan UK mengenai isu Brexit, tetapi pihak bertelagah di dalam parti pemerintah Britain memberi petanda bahawa urusan ini masih belum boleh ditamatkan. Masalah dalaman di Sepanyol, Jerman dan Perancis juga memberi tekanan kepada EU dan pada waktu yang sama para pengekspornya terjejas oleh kenaikan tarif AS. Kerana itulah, indeks MSCI Europe gagal mengatasi prestasi rantau membangun lain untuk ditutup pada 14.3% lebih rendah berbanding AS yang hanya turun 4.5%.

Politik – biasanya merupakan “pemacu senyap” pasaran ekuiti – juga mempengaruhi secara langsung pasaran yang berbeza seperti AS, Brazil, India dan Malaysia. Washington melihat ketidakstabilan dalam Rumah Putih melimpah ke dalam pasaran pada bulan Disember apabila Rumah Putih mula mempersoalkan peranan Pengerusi Rizab Persekutuan, Jay Powell, pada minggu yang sama Setiausaha Pertahanannya meletak jawatan. Keadaan ini menyebabkan pedagang, yang sedia ada bimbang selepas kenaikan kadar oleh Fed pada bulan Disember, menjadi hampir panik memikirkan potensi ketidakstabilan yang boleh tercetus darinya, tetapi sebaliknya ia kemudiannya menjadi punca kenaikan 1,000 mata apabila jaminan diberikan.

Prestasi Pasaran Membangun

Pasaran Membangun menuruti jejak rakan di Pasaran Maju pada bulan Januari dan berakhir 8.3% lebih tinggi. Namun selepeas itu, setiap bulan berubah negatif kecuali untuk dua kenaikan kecil pada bulan Julai dan November. Indeks MSCI Pasaran Membangun berakhir 14.2% lebih rendah berbanding penurunan 8.2% untuk indeks Pasaran Maju.

Asia turut mengalami tahun yang lemah dengan indeks MSCI Asia ex-Japan kehilangan 14.1% (Asia Pasifik ex-Japan 13.7% lebih rendah). Pemacu pasaran adalah hampir sama dengan Pasaran Membangun lain, dengan kenaikan dolar AS menolak turun pelbagai matawang Asia, terutamanya bagi ekonomi yang mengalami “defisit berkembar”. Indeks utama China dan Korea mendahului kejatuhan, masing-masing dengan penurunan 18.7% dan 20.5% di mana saham teknologi di kedua-dua pasaran menjunam, perang dagangan di antara AS dan China yang semakin memburuk pula mula memberi tekanan kepada ekonomi China secara umum. China memulakan tahun ini sebagaimana ia berakhir pada 2017 dan melalui bulan Januari dengan amat kukuh, dimangkin oleh berita bahawa negara tersebut telah membatalkan had tempoh untuk presidennya, sekaligus hampir menjamin Presiden Xi untuk terus berkuasa selama-lamanya. Bagaimanapun, apabila retorik pertikaian dagangan beralih menjadi tarif sebenar pada bulan Mac dan April, pasaran saham mula jatuh dengan PBOC mengambil langkah bertentangan mengubah pengetatan menjadi pelonggaran dasar. Ia menawarkan sedikit sokongan kepada pasaran tetapi dalam corak yang berulang beberapa kali sepanjang tahun sokongan PBOC ini membawa kepada peningkatan yang seketika, dan ianya kembali ditekan oleh beberapa peristiwa yang mengecewakan akibat pertikaian dagangan.

Pasaran tinggi-eksport Korea turut terjebak dalam kesulitan ini kerana eksportnya ke China telah dijejaskan oleh keperluan pertumbuhan di sana manakala sektor teknologinya pula ditekan oleh kelemahan dalam sub-sektor cip dan kemelesetan ketara pertumbuhan perolehan seluruh negara. Kenaikan kadar sebanyak 25bps pada bulan November tidak membantu manakala perdamaian umum dengan Korea Utara hanya menawarkan sokongan sentimental kepada pasaran ekuiti.

Ulasan Pelaburan

Global dan Asia (sambungan)

Satu lagi pasaran Asia yang dikuasai teknologi, Taiwan, juga menyaksikan tahun yang lemah tetapi dengan kerugian hanya 8.2%, mengatasi prestasi jiran Asia utaranya. Keperlahanan jualan iPhone dan pengurangan sektor pembuatan cip berikutan kejatuhan kriptowang adalah sebab utama untuk jualan turun di sini tetapi tiga bulan yang kukuh pada musim panas mengimbangi sebahagian kerugian yang dialami, manakala ekonomi pula terjejas oleh tarif eksport yang dikenakan oleh AS.

Asia Tenggara berjaya mengatasi prestasi pasaran utara Asia sebahagiannya disebabkan oleh ketiadaan saham teknologi, dan sebahagian lagi berpunca dari tindakan bank pusat untuk menangani tekanan inflasi dan susut nilai matawang yang berkaitan. Filipina masih mengusarkannya pelabur dan mengakhiri tahun 16.1% lebih rendah di mana bank pusatnya teragak-agak untuk melaksanakan dasar manakala di Indonesia pula, pasaran menstabil selepas kenaikan matawang merangsang kenaikan kadar 1.75% oleh bank pusatnya untuk tahun ini. Kejatuhan 5.3% di Thailand ternyata merupakan pulangan indeks terbaik di Asia, mencerminkan kekurangan pendedahan negara tersebut kepada teknologi dan menjadi bukti kestabilan ekonominya.

Malaysia adalah satu lagi pasaran yang merekodkan prestasi yang baik dengan penurunan 6.0% untuk tempoh 12 bulan tetapi ia juga merupakan tahun di mana perubahan politik negara dan bukannya prestasi pasaran yang mendominasi berita. Pada bulan Mei, tanpa dijangka mantan Perdana Menteri Tun Mahathir Mohamed telah memenangi pilihanraya, menewaskan pemimpin semasa Datuk Seri Najib Razak, dan Tun Mahathir telah membuka semula siasatan ke atas skandal 1MDB serta mendapatkan pengampunan untuk Anwar Ibrahim. Walaupun pada asalnya pasaran tidak begitu teruja dengan keputusan pilihanraya, ia kemudiannya kembali pulih walaupun beberapa saham yang dikaitkan dengan kepimpinan terdahulu terus lembap dan lemah hingga akhir tahun.

India juga menyaksikan prestasi yang lebih baik berbanding Pasaran Membangun yang lain walaupun dengan kerugian 7.3% dari segi dolar, bagaimanapun susut nilai rupee harus diperalahkan memandangkan indeks berdenominasi matawang tempatan sebenarnya mencatatkan prestasi yang lebih baik. Pasaran mengeneipkan cabaran politik termasuk pertelingkahan di antara gabenor bank pusat dan perdana menteri, yang akhirnya menyaksikan gabenor tersebut meletak jawatan tanpa disangka pada bulan Disember. Terdahulu, penipuan berskala besar di sektor perbankannya merosakkan sentimen pelabur dan ia diikuti oleh keingkaran salah satu syarikat kewangan bukan-perbankan negara tersebut turut menjejaskan keadaan, tetapi India memperoleh sokongan daripada kejatuhan besar dan pantas harga minyak mentah, yang mengurangkan tekanan ke atas defisit berkebarnya. Ia juga membantu rupee melakukan lonjakan pantas dari paras rendahnya.

Di rantau Asia Pasifik, Australia mengikut jejak indeks Pasaran Maju dengan penurunan 11.8%. Negara yang kaya-komoditi ini menyaksikan banyak saham bahan asas melonjak naik dan merekodkan prestasi yang baik walaupun kebanyakan harga komoditi mengalami kejatuhan. Selain itu saingan sengit di sektor telekom telah memberi kesan besar, begitu juga semakan ke atas sektor perbankannya. Australia adalah satu lagi negara yang menyaksikan Perdana Menteri nya bertukar apabila Scott Morrison mengalahkan Malcolm Turnbull dalam pemilihan parti politik. New Zealand pula ternyata merupakan indeks terbaik untuk Asia Pasifik ex-Japan dengan penurunan 3.5%, mencerminkan kekurangan saham teknologi di negaranya dan ia tidak terlibat dalam pertikaian dagangan AS-China.

Prestasi Dana

Takafulink Dana Ekuiti

Pada 31 Disember 2018, Nilai Aset Bersih setiap unit Dana meningkat sebanyak -9.42% kepada RM2.10166 berbanding dengan RM2.32014 pada 31 Disember 2017.

Sejak penubuhannya (1 Disember 2006), Dana telah mencatatkan pulangan positif sebanyak 110.01%*.

Takafulink Dana Bon

Pada 31 Disember 2018, Nilai Aset Bersih setiap unit Dana meningkat ke RM1.60245 daripada RM1.53461 pada 31 Disember 2017, mencatat pulangan sebanyak 4.42% untuk tempoh di bawah ulasan.

Sejak penubuhannya (1 Disember 2006), Dana telah mencatatkan pulangan positif sebanyak 60.20%*.

Takafulink Dana Urus

Pada 31 Disember 2018, Nilai Aset Bersih setiap unit Takafulink Dana Urus adalah RM1.98925 berbanding dengan RM2.14088 pada 31 Disember 2017, mencatat pulangan positif sebanyak -7.08% untuk tempoh di bawah ulasan.

Sejak penubuhannya (1 Disember 2006), Dana telah mencatatkan pulangan positif sebanyak 98.80%*.

Takafulink Dana Ekuiti Dinasti

Pada 31 Disember 2018, Nilai Aset Bersih setiap unit Dana meningkat sebanyak -16.83% kepada RM1.76594 berbanding dengan RM2.12341 pada 31 Disember 2017.

Sejak penubuhannya (5 April 2010), Dana telah mencatatkan pulangan positif sebanyak 76.59%*.

Takafulink Dana Dinamik

Pada 31 Disember 2018, Nilai Aset Bersih setiap unit Takafulink Dana Dinamik adalah RM0.94031 berbanding dengan RM1.0000 pada 8 Januari 2018 (tarikh penubuhan), mencatatkan pulangan sebanyak -5.97%* untuk tempoh di bawah ulasan.

Takafulink Dana Aktif

Pada 31 Disember 2018, Nilai Aset Bersih setiap unit Takafulink Dana Aktif adalah RM0.95993 berbanding dengan RM1.0000 pada 30 Oktober 2018 (tarikh penubuhan), mencatatkan pulangan sebanyak -4.01%* untuk tempoh di bawah ulasan.

*Pemegang sijil akan menerima penyata tahunan yang menunjukkan prestasi sebenar sijil(-sijil) mereka.

Unjuran Pelaburan

Pasaran Ekuiti

Gelora luaran semakin memburuk dengan pelbagai ketidakpastian yang masih berterusan dan mencetuskan lebih banyak ketidaktentuan. Angka PMI China yang lemah dan peningkatan jangkaan bahawa ekonomi AS menuju kemelesetan adalah kebimbangan berasas yang perlu kita perhatikan. Ekonomi Malaysia selalunya mampu bertahan, tetapi tidak imun. Angka pertumbuhan global yang lebih lemah berkemungkinan akan turut melemahkan permintaan untuk komoditi seperti minyak mentah dan minyak sawit, iaitu komoditi yang menjadi sandaran besar Malaysia. Tambahan pula, keperluan pertumbuhan di China (sebagai rakan dagang terbesar Malaysia), telah mula menjejaskan permintaan untuk telefon bimbit jenama AS, sekaligus boleh memberi kesan kepada tempahan baharu di masa hadapan untuk pengeksport E & E Malaysia.

Kami masih kekal berwaspada untuk jangka pendek memandangkan terdapatnya pelbagai cabaran tapi masih meletakkan harapan untuk unjuran jangka panjang. Walaupun pelabur domestik tidak mempunyai banyak pilihan selain bersabar dengan kerajaan baharu, pelabur asing pula tidak perlu menunjukkan kesabaran yang sama. Dengan kekurangan pemangkin jangka pendek untuk Malaysia, kami menjangka ketidaktentuan sebegini akan berlanjutan; sama ada diakibatkan oleh politik atau dasar domestik, yang semakin mencabar akibat suara luaran yang timbul daripada perang/perdamaian sementara dagangan AS-China, dasar moniteri AS, dan ketidaktentuan harga minyak. Kita perlu berhati-hati untuk melangkah ke hadapan kerana gelora luaran ini adalah keadaan yang di luar kawalan kita. Oleh itu, kita akan terus memberi tumpuan kepada syarikat yang memiliki asas yang kukuh dan rekod yang baik untuk menyesuaikan keadaan walaupun dalam suasana mencabar.

Sukuk

Walaupun 2018 bermula dengan harapan pertumbuhan global akan kukuh, ia berakhir dengan ketidakpastian yang besar untuk ekonomi, dasar dan politik global. Melangkah ke 2019, kami menjangka berita utama dunia akan didominasi oleh (1) kejatuhan ekonomi yang semakin teruk akibat pertikaian dagangan AS-China dan (2) keputusan pengetatan kadar oleh Rizab Persekutuan AS dan kesannya ke atas pasaran.

Oleh kerana ketahanan risiko merudum berikutan adanya kebimbangan mengenai kemelesetan global, harga minyak dan pulangan Perbendaharaan AS telah mengalami kejatuhan. Pada bulan Oktober, harga minyak WTI turun lebih 40% dari paras tinggi bagi tahun, manakala sebahagian daripada lengkok pulangan Perbendaharaan AS mengalami keterbalikan pada suatu ketika di bulan Disember, sekaligus meningkatkan spekulasi mengenai potensi kemelesetan.

Sungguhpun begitu, keadaan ini tidak menghentikan Fed daripada menaikkan kadar sebanyak 25bps kepada 2.25%-2.50% pada bulan Disember 2018 (kenaikan keempat untuk 2018), mengurangkan tebaran pulangan di antara Perbendaharaan 2- dan 10- tahun dengan ketara. Dalam kenyataan terkini FOMC, walaupun Fed memperlihatkan beberapa kenaikan beransur yang dicatatkan, ia juga menurunkan unjurannya untuk kadar dana jangka panjang 2019 kepada 2.6%-3.1% berbanding ramalan awal 2.9%-3.4%. Walaupun Fed meramalkan dua kenaikan dan bukan tiga untuk 2019, Bloomberg melaporkan bahawa pasaran kini mengambilkira sebarang kenaikan kadar AS pada tahun 2019. Dengan beberapa data ekonomi, termasuk indeks pengeluaran US ISM dan Markit yang jatuh teruk pada bulan Disember, ia memberi petanda besar bahawa aktiviti pengeluaran akan menjadi sederhana pada 2019; maka kami menjangka Fed akan lebih berwaspada dan bergantung kepada data di masa hadapan.

Unjuran Pelaburan

Sukuk (sambungan)

Dari sudut domestik pula, gelora luaran semakin memburuk dengan pelbagai ketidakpastian yang masih berterusan. Walaupun ekonomi Malaysia dijangka mampu bertahan, ia tidak imun dengan pertumbuhan global yang lebih lemah di mana ia berkemungkinan akan turut menjejaskan permintaan untuk komoditi seperti minyak mentah dan minyak sawit, yang menjadi sandaran besar Malaysia. Dengan pertumbuhan yang sederhana, disertai oleh tekanan inflasi ringan, kami menjangka Bank Negara Malaysia akan mengekalkan dasar moneteri yang akomodatif pada 2019. Namun begitu, kami tidak menolak sebarang kemungkinan berlakunya penurunan penarafan seandainya pertikaian dagangan AS-China yang berlarutan menjejaskan keteguhan ekonomi Malaysia, sekaligus melemahkan kemampuannya untuk mencapai sasaran defisit fiskal.

Pada 2019, terbitan Kerajaan dijangka sekitar RM115 bilion dengan 32 lelongan awam, dibahagi sama rata antara MGS dan MGII dengan 16 lelongan setiap satu. Bekalan sekuriti negara yang lebih besar mungkin menyebabkan adanya tekanan lebihan di pasaran, tetapi kami menjangka sekuriti domestik negara akan kekal disokong oleh kecairan yang mencukupi dan permintaan pelabur yang kukuh.

Dari sudut korporat, pasaran dijangka akan menyaksikan bekalan yang memuaskan memandangkan penerbit telah berada di tepian sepanjang beberapa bulan lepas. Kami menjangka permintaan untuk sekuriti korporat akan kukuh pada 2019 berikutan kekurangan bekalan sekuriti korporat yang berkualiti.

Global dan Asia

